



09 MAY, 2021

## Kementerian Sumber Manusia terima 49 aduan menerusi aplikasi WFW

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Kementerian Sumber Manusia terima 49 aduan menerusi aplikasi WFW

**YAN:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menerima sejumlah 49 aduan berhubung permasalahan berkaitan pelbagai isu perburuhan menerusi aplikasi 'Working For Workers' (WFW) sejak ia dilancarkan Isnin lepas.

Timbalan Menteri, Datuk Awang Hashim berkata, aplikasi itu diwujudkan bagi melindungi pekerja termasuk warga asing sekiranya berlaku ketidakadilan daripada mana-mana pihak yang terlibat dalam urusan pekerjaan.

"Sejak 3 Mei hingga semalam (kelmarin), sebanyak 49 aduan telah dilaporkan menerusi aplikasi WFW ini. Selangor mencatatkan aduan tertinggi iaitu 15 kes diikuti Kuala Lumpur (14), Kedah (5), Johor (4), Perak dan Pulau Pinang (3), Sarawak (2) manakala Melaka, Pahang dan Terengganu masing-

masing mencatatkan satu kes.

"Pecahan aduan yang diterima melalui aplikasi WFW ini adalah sebanyak 24 kes daripada pekerja tempatan, 24 kes daripada pekerja warga asing manakala satu kes melibatkan pegawai dagang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jualan Pra-Syawal di Pasar Tani Guar Chempedak di sini semalam.

Beliau berkata, status bagi kesemua aduan yang dilaporkan telah disahkan pihaknya yang banyak melibatkan isu pekerja diberhentikan tanpa notis, tidak dibayar gaji dan tiada kontrak pekerjaan.

Awang berkata, kementerian juga menjangkakan jumlah aduan akan terus meningkat terutama selepas Pusat Tenaga Kerja (PTK) akan mula beroperasi bagi

menerima aduan bagi pekerja di Sabah dan Sarawak.

"Aplikasi ini juga boleh digunakan oleh penjawat awam tetapi sedia maklum mereka mempunyai prosedur dan lembaga disiplin sendiri, jadi tiada masalah buat mereka. Tetapi, aplikasi ini terbuka kepada semua yang ingin membuat aduan," katanya.

Pada Isnin lepas, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan berkata, aplikasi WFW itu akan menjadi platform kepada 15.7 juta pekerja termasuk warga asing untuk mengemukakan aduan dan permasalahan berkaitan isu perburuhan.

Ia bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja yang terkesan akibat salah laku majikan terbela selain dapat memastikan majikan dan pekerja patuh kepada undang-undang perburuhan negara. — Bernama



**HULUR SUMBANGAN:** Awang (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada Wan Ahmad Wan Ismail (kiri) pada Majlis Jualan Pra Syawal di Pasar Tani Kekal Guar Chempedak di Yan, semalam. Turut sama Pengarah FAMA Kedah Isa Hamzah (kanan) dan Ahli Parlimen Jerai, Sabri Aziz (dua kiri). — Gambar Bernama



09 MAY, 2021

## Kementerian Sumber Manusia terima 49 aduan menerusi aplikasi WFW

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

YAN: Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menerima sejumlah 49 aduan berhubung permasalahan berkaitan pelbagai isu perburuhan menerusi aplikasi 'Working For Workers' (WFW) sejak ia dilancarkan Isnin lepas. Timbalan Menteri, Datuk Awang Hashim berkata, aplikasi itu diwujudkan bagi melindungi pekerja termasuk warga asing sekiranya berlaku ketidakadilan daripada mana-mana pihak yang terlibat dalam urusan pekerjaan. "Sejak 3 Mei hingga semalam (kelmarin), sebanyak 49 aduan telah dilaporkan menerusi aplikasi WFW ini.